

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

### **DI DALAM**

#### **MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KEKAS) SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**7-8 OKTOBER 2023**

Salam Sejahtera dan Selamat pagi.

#### **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak kerana sudi menjemput saya untuk hadir merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Sarawak ini. Ucapan terima kasih juga kepada En. Lawai Jok, Ketua Pegawai Eksekutif ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd. kerana meluangkan masa menghadiri majlis ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pihak Lembaga Alam Sekitar dan Sumber Asli Negeri Sarawak dan Pejabat Pertanian Bintulu yang telah bekerjasama dan memberikan sokongan padu di dalam menjayakan program kem kesedaran alam sekitar (KEKAS).

2. Terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Pendidikan Daerah Bintulu kerana memberi kebenaran kehadiran dan penglibatan murid-murid serta guru pengiring. Kebenaran ini amat bermakna bagi penganjur Kem Kesedaran Alam Sekitar

(KeKAS) di dalam hal memberi pendedahan dan kesedaran penjagaan alam sekitar kepada murid-murid sekolah. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan di sekitar Bintulu, yang telah melibatkan diri dalam program ini bermula semalam.

Hadirin sekalian,

### **KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KEKAS)**

3. Alam Sekitar merupakan elemen yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Kebergantungan manusia kepada alam sekitar mencakupi pelbagai aspek kehidupan termasuklah dari segi keperluan asas sehinggalah kepada keperluan untuk kehendak kehidupan. Pada dasarnya alam sekitar yang sihat dapat menjamin kualiti hidup manusia sejagat yang sejahtera.

4. Pendidikan merupakan medium terbaik untuk menerapkan kesedaran alam sekitar dan konsep pembangunan lestari kepada masyarakat umum. Sesuatu proses pembelajaran yang efektif akan melahirkan individu dan masyarakat yang intelek, peka, aktif, memahami serta mampu mengenalpasti sesuatu perkara sama ada baik ataupun buruk. Salah satu cara yang efektif untuk menangani isu-isu alam sekitar yang kian meruncing ialah melalui pendidikan alam sekitar. Pendidikan ini merangkumi institusi yang paling bawah iaitu sekolah rendah sehinggalah keperingkat yang lebih tinggi iaitu pengajian tinggi. Institusi pendidikan merupakan medan yang sesuai untuk mendidik dan membentuk sikap terhadap alam sekitar bagi generasi baru yang merupakan pewaris kepada alam sekitar di masa hadapan.

5. Matlamat pendidikan alam sekitar adalah untuk membentuk masyarakat (pelajar) yang lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar dengan cara memperoleh pengetahuan, meningkatkan

kemahiran, menerapkan nilai dan seterusnya mempunyai komitmen untuk berusaha dan bertindak secara individu atau bersama ke arah penyelesaian isu-isu alam sekitar. Ramai yang berpendapat bahawa, jalan yang terbaik untuk mengatasi masalah alam sekitar adalah dengan mengubah sikap dan amalan seharian masyarakat dari berfokuskan kepentingan diri kepada berfokuskan alam sekitar. Maka sistem pendidikan alam sekitar harus dilihat dapat meningkatkan kesedaran dan seterusnya mampu membawa kepada pelaksanaan. Seseorang yang hanya mempunyai kesedaran tentang alam sekitar belum lagi boleh dikatakan sebagai seorang yang “Celik alam Sekitar” selagi mana iai tidak dilaksanakan atau diamalkan.

6. Pemahaman hendaklah diiringi dengan kemampuan mempraktiskannya dalam bentuk tingkah laku yang boleh membantu mengurangkan masalah pencemaran. Antaranya seseorang itu melakukan aktiviti kitar semula, pengasingan buangan sampah di rumah, menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan penggunaan air serta berkongsi kereta bagi tujuan pengurangan penggunaan bahan api fosil yang memberi kesan kepada perubahan cuaca dan dalam erti kata lain, kita mampu menilai dan mengubah serta memilih aktiviti demi pemeliharaan dan pemulihan alam sekitar, serta mampu mengeneipkan kemudahan yang ada dalam teknologi semasa demi untuk memelihara alam sekitar.

Hadirin sekalian,

## **PENUTUP**

7. Semoga program Kem Kesedaran Alam Sekitar seumpama ini, mampu memberikan kesedaran dan melatih generasi masa hadapan kepada gaya hidup yang lestari dan peka kepada alam sekitar. Benarlah kata peribahasa kita, “melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Jika kita

ingin melahirkan generasi yang hebat dan cakna kepada alam sekitar, maka wajarlah di didik dari usia muda.

8. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat, dalam menjayakan penganjuran program hari ini dan berharap ianya dijadikan acara tahunan kita. Sokongan dan kerjasama semua adalah penting bagi menjamin persekitaran dan kesihatan yang kita nikmati hari ini dapat dikongsi bersama generasi akan datang, kerana sesungguhnya alam sekitar yang kita kecapi kini adalah pinjaman daripada generasi anak-anak kita di masa hadapan.

9. Dengan ini saya berbesar hati merasmikan Perasmian Penutupan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 peringkat Negeri Sarawak.

Sekian. Terima kasih.

